

Fun Run sempena Pesta Konvo UMP 2017

PEKAN 11 Nov. - Pesta Konvokesyen Universiti Malaysia Pahang (UMP) kali ke-12 yang berlangsung selama tiga hari mulai 17 November ini dimeriahkan dengan acara larian santai sejauh lima kilometer atau 'Fun Run 5 km'.

Penganjuran kali kedua dengan kerjasama *Utusan Malaysia* dan *Mingguan Malaysia* itu diadakan esok dengan pelepasan larian seawal pukul 7.30 pagi di Pusat Aktiviti Pelajar UMP di sini.

Jabatan Pengurusan Jemaah Kumpulan Utusan dalam satu kenyataan di sini hari ini memberitahu, acara itu terbahagi kepada enam kategori iaitu kategori A lelaki terbuka (18 tahun ke atas), kategori B wanita terbuka (18 tahun ke atas), kategori C lelaki veteran (40 tahun ke atas), kategori D wanita veteran (40 tahun ke atas), kategori E lelaki remaja (17 tahun ke bawah) dan kategori F wanita remaja (17 tahun ke bawah).

Katanya, yuran pendaftaran RM40 untuk setiap ka-



tegori dipertandingkan sekaligus melayakkan peserta merebut hadiah menarik yang ditawarkan.

"Seramai 500 peserta yang mendaftar awal akan menerima kemeja T, medal dan sijil penghargaan," kata kenyataan itu.

Menurut kenyataan itu lagi, juara setiap kategori bakal membawa pulang wang tunai RM300 dan piala, RM200 dan piala untuk pemenang tempat kedua manakala RM100 beserta piala bagi tempat ketiga.

"Pemenang tempat keempat dan kelima setiap kategori juga akan membawa pulang RM50 serta piala.

"Cabutan bertuah menanti peserta bertuah dengan pelbagai hadiah berupa barangan elektrik dan barangan eksklusif daripada Kumpulan Utusan," katanya.

MINGGUAN MALAYSIA (DAHULU NEGERI) 12/11/17
(AHAD) M.K: 16